

30 OCT 2002

Najib-Kerahan

UNDANG-UNDANG KHAS DIWUJUD BAGI KERAHAN TENAGA

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Kabinet hari ini menetapkan supaya kerahan tenaga yang sedang dipertimbangkan untuk dilaksanakan mesti bersifat wajib dan tidak berbentuk sukarela, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Oleh itu, katanya, satu rang undang-undang khas akan diperkenalkan oleh kerajaan tentang kerahan tenaga termasuk hukuman terhadap mereka yang tidak mematuhi kecuali disebabkan aspek kesihatan yang serius.

"Mesti wujud satu rang-rang undang-undang khas mengenai kerahan tenaga ala-Malaysia," katanya pada sidang media di Kementerian Pertahanan.

Pada mesyuarat minggunya hari ini, kabinet juga mengambil keputusan untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi meneliti segala aspek mengenai kerahan tenaga itu.

Jawatankuasa itu akan dipengerusikan oleh Najib dan dianggotai oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting, dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Turut menganggotai jawatankuasa itu adalah dua orang Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim dan Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, serta timbalan menteri pertahanan dan timbalan menteri dalam negeri.

"Kerahan tenaga itu bermatlamat memupuk semangat patriotisme, pembangunan negara dan meneruskan usaha jalinan integrasi nasional dan perpaduan yang lebih kental," katanya.

Antara aspek kerahan tenaga yang akan diberi tumpuan oleh jawatankuasa khas kabinet itu adalah seperti kemudahan asas, peralatan, tempoh perkhidmatan, imbuhan, perundangan dan kejurulatihan.

Najib berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan ko-kurikulum kerahan tenaga itu tidak berbentuk terlalu ketenteraan tetapi lebih menjurus kepada perkara lain yang efektif dan produktif.

Beliau berkata walaupun kerahan tenaga ala-Malaysia tidak bercorak ketenteraan seperti di negara lain seperti Singapura, namun ia akan tetap menyelitkan unsur-unsur ketenteraan di dalamnya.

"Unsur-unsur ketenteraan seperti disiplin, kerjasama sebagai satu pasukan, identiti sendiri, ketahanan peribadi dan fizikal serta semangat juang adalah amat penting di dalam pembinaan negara yang kental," katanya.

Najib berkata aspek latihan kerahan tenaga itu mungkin juga melibatkan penggunaan senjata api.

Mengenai umur mereka yang wajib menjalani kerahan tenaga serta tempohnya, beliau berkata, jawatankuasa khas kabinet itu akan meneliti mengenai umur dan tempoh yang sesuai.

Najib berkata tempoh latihan itu tidak perlu terlalu panjang kerana ia akan menjejaskan ekonomi negara sebaliknya jika terlalu pendek pula ia tidak akan mencapai objektif latihan sedemikian.

"Kita mesti mencari tempoh latihan yang amat sesuai," katanya.

Najib berkata jawatankuasa khas kabinet itu akan mengadakan mesyuarat dengan pelbagai kumpulan masyarakat termasuk persatuan pelajar, badan bukan kerajaan, badan politik serta individu-individu yang ingin memberikan pendapat.

"Kita mengalu-alukan pandangan dari sesiapa untuk menjadikan input cadangan kerahan tenaga ini. Jawatankuasa ini akan cuba menyiapkan laporannya dengan secepat mungkin," katanya.

Mengenai kemungkinan ada pihak yang tidak akan menyetujui program

kerahan tenaga itu, beliau berkata, jika ianya berlaku kerajaan akan cuba menyakinkan mereka tentang kebaikan kerahan tenaga itu.

Najib berkata kos untuk kerahan tenaga itu besar dan kerajaan akan membiayainya menerusi peruntukan nasional dan tidak diambil daripada belanjawan Kementerian Pertahanan.

Beliau juga berkata, kerahan tenaga itu juga perlu untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia tentang soal keselamatan, yang pada masa kini tidak begitu dititikberatkan ketika negara berada dalam keadaan aman.

-- BERNAMA

MHI LES MAI